

# SPRM rakam keterangan 3 saksi isu jual tanah untuk lapangan terbang

**Seri Iskandar:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah merakam kenyataan tiga saksi bagi membantu siasatan isu penjualan tanah bagi tapak cadangan pembinaan lapangan terbang antara-bangsa di sini.

Pengarah SPRM Perak Datuk Mohd Fauzi Mohamad berkata, tiga individu itu membabitkan pegawai Perbadanan Kemajuan Ne-



*Kajian terhadap dokumen yang diperoleh masih dilakukan untuk memanggil saksi bagi membantu siasatan”*

**Mohd Fauzi**

geri Perak (PKNP) dan kerajaan negeri Perak.

“Setakat hari ini (semalam), tiada individu ditahan berhubung perkara itu.

“Kajian terhadap dokumen yang diperoleh masih dilakukan untuk memanggil saksi bagi membantu siasatan,” katanya.

Sebelum ini, media melaporkan, SPRM akan memanggil dan merakam percakapan beberapa individu

untuk membantu siasatan berhubung isu berkenaan bermula minggu ini.

Mohd Fauzi dilaporkan berkata, individu terbabit turut membabitkan ahli lembaga mesyuarat beberapa jabatan berkaitan.

Isu penjualan tanah lapangan terbang berkenaan timbul selepas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Aulong Nga Kor Ming pada sidang Dewan Undangan

Negeri (Dun) Perak mendakwa tanah itu sudah dijual tanpa kebenaran kerajaan negeri.

Bagaimanapun, Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad kemudiannya memaklumkan penjualan tanah itu dilakukan ketika di bawah pentadbiran Pakatan Harapan kepada syarikat swasta untuk pembangunan bercampur di kawasan itu.